

28/05/1998

Shahidan pangku tugas Ahli Parlimen Arau

PADANG BESAR, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung kekosongan jawatan Ahli Parlimen Arau.

Beliau juga akan menemui Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail, mengenai kemungkinan diadakan pilihan raya kecil di kawasan terbabit.

Jawatan Ahli Parlimen Arau kosong berikutan kematian Kamaruddin Ahmad, 49, Isnin lalu kerana diserang angin ahmar.

Semalam, Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Noh Jaafar, berkata mengikut perlembagaan pilihan raya kecil itu perlu diadakan kerana kekosongan itu melebihi dua tahun sebelum pembubaran Parlimen.

Mengikut prosedur, Speaker Dewan Rakyat perlu memaklumkan kepada SPR mengenai kematian dan kekosongan bagi jawatan Ahli Parlimen Arau itu.

Shahidan yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri dan pernah menduduki jawatan Ahli Parlimen Arau, berkata buat sementara waktu, beliau akan memangku tugas itu.

"Saya tidak melantik orang lain kerana ia boleh menimbulkan spekulasi bahawa individu terbabit akan dipilih sebagai calon bagi Parlimen itu," katanya di sini, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Shahidan berkata, beliau secara peribadi berharap pilihan raya kecil itu tidak diadakan berikutan keadaan ekonomi sekarang.

(END)